

25 MAY 2000

Effendi-Makanan

ZON PENGELUARAN MAKANAN KEKAL DIWUJUDKAN DI SELURUH NEGARA

BANGI, 25 Mei (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Penyelarasan Sektor Awam-Swasta Dalam Sektor Pertanian hari ini bersetuju supaya setiap negeri mengenal pasti kawasan untuk dizonkan sebagai tanah pengeluaran makanan kekal.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi hari ini berkata selain daripada kegiatan pertanian dan pengeluaran makanan, tanah yang dizonkan ini tidak boleh digunakan untuk tujuan lain termasuk perumahan.

"Kira-kira 75,000 hektar tanah dikenal pasti di seluruh negara sebagai kawasan yang boleh dizonkan sebagai tanah pengeluaran makanan kekal," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat itu yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Effendi berkata langkah itu akan memudahkan para pelabur dan mereka yang berminat mengusahakan tanah berkenaan dan pihak bank juga akan lebih selesa memberikan pinjaman jika mereka mengetahui sesuatu zon itu dikhususkan untuk tanaman makanan.

Beliau akan pergi ke negeri-negeri untuk menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan kerajaan negeri bagi mewujudkan zon seumpama itu.

"Kita juga akan mengeluarkan Dasar Pengeluaran Makanan Negara," katanya.

Menurutnya dengan adanya MoU ini, ia akan memudahkan kementerian terbabit menyediakan peruntukan, kemudahan infrastruktur, khidmat sokongan teknikal dan pemasaran untuk membangunkan zon berkenaan.

"Kita akan mengenal pasti apakah tanaman, sayur-sayuran atau buah-buahan yang paling sesuai untuk sesuatu kawasan," katanya.

Effendi berkata langkah itu memberi peluang kepada syarikat swasta yang besar atau persatuan peladang dan peladang-peladang kecil untuk membangunkan tanah di kawasan khas itu.

Katanya adalah diharapkan negara dapat mengurangkan import sayuran daripada 46 peratus sekarang kepada 25 peratus dalam masa antara lima hingga sepuluh tahun.

Sementara itu, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman ketika ditemui pemberita berkata kerajaan negeri akan memudahkan proses pengubahsuaian kegunaan tanah kepunyaan swasta daripada tanaman getah atau kelapa sawit kepada pengeluaran sayur, buah-buahan atau ternakan.

Katanya negeri Johor telah memperuntukkan 4,000 hektar tanah untuk diusahakan dengan kegiatan pertanian kepada 28 persatuan peladang kawasan dan 2,000 hektar kepada persatuan penanam sayur Cina.

"Kita sedang mencari 6,000 hektar lagi tanah yang boleh dikurniakan kepada pihak swasta untuk tujuan sama," katanya.

Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob berkata strategi pertanian Pahang ialah mewujudkan pelan tindakan pengeluaran makanan sendiri.

Antara konsep yang telah dikenal pasti selain zon tanah pengeluaran makanan kekal ialah pertanian bersepadu beserta ternakan lembu di ladang-ladang kelapa sawit dan ternakan ikan akuakultur.

Katanya kerajaan negeri juga telah meluluskan Pelan Tindakan Makanan 10 tahun untuk memperkenalkan pengeluaran makanan dengan teknologi tinggi.

Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata di daerah Jempol, hampir 200 hektar tanah sawah yang terbiar telah dimajukan semula, dan hampir 400 hektar dimajukan di Kuala Pilah.

-- BERNAMA

MAM SHO NMO RI